

KEMUDAHAN APLIKASI ISLAMIK BAGI GOLONGAN TIPIKAL DAN OKU PENDENGARAN

FACILITIES OF ISLAMIC APPLICATIONS FOR TYPICAL AND HEARING IMPAIRED GROUPS

Nur Arifah Binti Mohamad Fuad¹
Nur Aiman Izzati Binti Mohamad²
Nur Anis Annadia Binti Che Musa³
Maisarah Saidin⁴

¹Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: arifahfuad99@gmail.com)

²Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: nuraimanizzatimohamad@gmail.com)

³Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: nadianis98@gmail.com)

⁴Faculty of Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: maisarah@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-8-2023
Revised date : 8-8-2023
Accepted date : 25-9-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Mohamad Fuad, N. A., Mohamad, N. A. I., Che
Musa, N. A. A., & Saidin, M. (2023). Kemudahan
Aplikasi Islamik Bagi Golongan Tipikal Dan Oku
Pendengaran. *Jurnal Penyelidikan Islam dan
Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 85 - 97.

Abstrak: Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) telah berkembang dengan pesatnya seiring dengan peredaran zaman. Penggunaan ICT dalam kehidupan memberi impak yang positif kepada masyarakat terutamanya dalam mencari maklumat serta ilmu pengetahuan. Gabungan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) agama Islam dilihat mampu memberi manfaat kepada umat Islam dalam mencari kebenaran dan fakta terhadap sesuatu perkara. Terdapat banyak aplikasi ICT yang dibangunkan. Antara teknologi kini yang mampu memberi kemudahan kepada umat Islam adalah melalui pembangunan aplikasi Islamik. Aplikasi adalah sejenis program komputer yang digunakan dengan peranti mudah alih seperti telefon pintar, tablet dan sebagainya. Antara aplikasi-aplikasi Islamik bagi golongan tipikal adalah *TheNoor* dan *Qalby*. Malah komuniti OKU pendengaran juga tidak terlepas daripada perkembangan teknologi aplikasi Islamik iaitu *Quran Isyarat*. Namun begitu, masyarakat Islam kurang mengetahui akan kewujudan aplikasi perisian Islamik dan tatacara penggunaan aplikasi tersebut. Tujuan kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif iaitu menjelaskan konsep ICT menurut Islam, mendedahkan jenis-jenis aplikasi Islamik kepada golongan tipikal dan komuniti OKU pendengaran dan yang terakhir, mengenalpasti isu dan cabaran aplikasi Islamik bagi golongan tipikal dan komuniti OKU pendengaran. Kajian ini menggunakan metode kualitatif iaitu menilai aplikasi-aplikasi Islamik yang terdapat pada masa kini. Data dan maklumat kajian ini dikumpulkan sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan bahan ilmiah seperti jurnal, artikel dan sumber internet yang berkaitan dengan aplikasi Islamik. Hasil dapatan kajian ini mendapati kemudahan aplikasi-aplikasi Islamik dapat membantu masyarakat Malaysia terutamanya yang beragama Islam untuk memahami ilmu yang berkaitan dengan fardhu ain

bukan sahaja untuk golongan tipikal malahan juga bagi golongan OKU pendengaran. Tuntasnya, dengan aplikasi-aplikasi seperti ini, ia dapat menawarkan pengetahuan kepada pengguna tentang pelaksanaan ibadah. Justeru itu, diharapkan dengan aplikasi ini dapat membantu setiap mukmin melaksanakan ibadah secara mudah dan teratur mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Islam. Seterusnya, menjadi insan yang lebih baik dari hari ke hari.

Kata Kunci: *Aplikasi, ICT, Golongan Tipikal, OKU Pendengaran*

Abstract: *Communication and Information Technology (ICT) has developed rapidly along with the passage of time. The use of ICT in life has a positive impact on society, especially in finding information and knowledge. The combination of teaching and learning materials (PdP) of the Islamic religion is seen to be able to benefit Muslims in finding the truth and facts about a matter. There are many ICT applications developed. Among the current technologies that are able to provide convenience to Muslims is through the development of Islamic applications. An application is a type of computer program that is used with mobile devices such as smartphones, tablets and so on. Among the Islamic applications for the typical group are TheNoor and Qalby. Even the hearing impaired community has not been spared from the development of Islamic application technology which is the Sign Quran. However, the Muslim community is less aware of the existence of Islamic software applications and the procedures for using the application. The purpose of this study is based on three objectives which are to explain the concept of ICT according to Islam, reveal the types of Islamic applications to the typical group and the hearing impaired community and lastly, identify the issues and challenges of Islamic applications for the typical group and the hearing impaired community. This study uses a qualitative method to evaluate the Islamic applications that are available today. The data and information of this study was collected by the researcher himself by using scientific materials such as journals, articles and internet sources related to Islamic applications. The results of this study found that the convenience of Islamic applications can help the Malaysian community, especially those who are Muslim, to understand the knowledge related to fardhu ain not only for the typical group but also for the hearing impaired group. Finally, with applications like this, it can offer knowledge to users about the implementation of worship. Therefore, it is hoped that this application can help every believer perform worship easily and regularly according to the guidelines that have been set in Islam. Next, be a better person day by day.*

Keywords: *Application, ICT, Typical Group, Hearing Impaired Community*

Pengenalan

Kemajuan dan perkembangan dalam bidang teknologi maklumat telah memberi impak dan sumbangan yang amat besar kepada dunia kita pada hari ini, khususnya kepada masyarakat Islam. Internet adalah agen perubahan abad 21, sumber pelbagai maklumat, sistem komunikasi pantas dan murah, jaringan manusia globalisasi, membentuk dunia siber yang tersendiri serta menyediakan prasarana dan peluang perniagaan yang telah diperakui oleh orang ramai. Justeru itu, maklumat kini lebih kaya, mudah diperolehi, interaktif dan wujud dalam pelbagai format dan media atau multimedia akibat daripada kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Tuntasnya, penyebaran, perkongsian dan pemerolehan maklumat dapat dilakukan dengan cara yang sangat mudah, cepat dan pantas termasuklah dengan adanya aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun di dalam peranti.

Pernyataan Masalah

Kemunculan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) telah berkembang dengan pesat serta mengubah cara kehidupan umat manusia sekarang. Sistem teknologi bertambah mudah dan cepat, pembangunan industri semakin pantas, sistem perhubungan dan pendidikan bertambah canggih, malah cara manusia berkomunikasi juga turut berubah. Oleh hal yang demikian, kebanyakan umat Islam menolak serta tidak mahu mempelajari arus perkembangan ini membuatkan masyarakat Islam ketinggalan pada bidang teknologi ini. Melalui perkembangan teknologi digital ini, masyarakat Islam perlu sedar bahawa ianya adalah saluran yang sangat berfaedah dan berkesan sekiranya dimanfaatkan sepenuhnya, Sebagai contoh, melalui aplikasi-aplikasi Islamik yang dimuat turun dalam telefon pintar dapat memudahkan masyarakat untuk belajar berkaitan Islam walaupun dimana sahaja. Namun begitu, masyarakat Islam kurang mengetahui akan kewujudan aplikasi perisian Islamik dan tatacara penggunaan aplikasi tersebut. Setiap individu Muslim perlu sedar terhadap perubahan dan cabaran teknologi ini supaya menjadi seorang yang celik dan peka terhadap teknologi komunikasi dan maklumat (ICT). Tuntasnya, masyarakat Islam terutamanya di Malaysia perlu melihat kaedah yang dibawa oleh teknologi digital ini dari perspektif yang positif supaya dapat mengambil faedah terutamanya dalam mempelajari agama Islam.

Objektif Kajian

1. Menjelaskan konsep ICT menurut perspektif Islam
2. Mendedahkan jenis-jenis aplikasi Islamik kepada Golongan Tipikal dan OKU Pendengaran
3. Mengenal pasti isu dan cabaran aplikasi Islamik bagi Golongan Tipikal dan OKU Pendengaran

Persoalan Kajian

1. Apakah konsep ICT menurut perspektif Islam?
2. Berapakah jenis aplikasi Islamik bagi Golongan Tipikal dan Golongan OKU Pendengaran?
3. Apakah Isu dan Cabaran Aplikasi Islamik bagi Golongan Tipikal dan Golongan OKU Pendengaran?

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan hal yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Hasil kajian yang diperolehi juga sangat bergantung kepada metodologi yang digunapakai dalam sebuah kajian. Kajian ini menggunakan metode kualitatif iaitu menilai aplikasi-aplikasi Islamik yang terdapat pada masa kini. Data dan maklumat kajian ini dikumpulkan sendiri oleh pengkaji dengan menggunakan bahan ilmiah seperti jurnal, artikel dan sumber internet yang berkaitan dengan aplikasi Islamik.

Dapatan Kajian

Konsep ICT Menurut Perspektif Islam

Maksud Islam

Perkataan Islam berasal daripada kata kerja *salima* yang bermaksud bebas daripada kecacatan zahir dan batin. Islam juga bermaksud damai atau sejahtera, taat dan menyerah.¹ Menurut Al-Attas, Islam adalah gabungan antara *al-Dīn* dan *aslama*. *Al-Dīn* bermaksud gaya atau tatacara hidup yang luhur dalam kehidupan manusia, manakala *aslama* pula bermaksud menyerah diri. *Al-Dīn* juga merujuk kepada agama Islam kerana satu-satunya agama yang diterima di sisi Allah swt adalah agama Islam. Menurut Islam, penyerahan diri adalah penyerahan yang tulus ikhlas dan disedari serta diredhai dan dilakukan semata-mata hanya kepada Allah swt malah ia juga dilakukan secara sukarela tanpa apa-apa paksaan untuk patuh terhadap perintah Allah SWT.²

Maksud ICT

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *Information and Communication Technology* (ICT) adalah teknologi yang menyokong aktiviti yang digunakan untuk memproses, mengurus, memanipulasi, memindah, menyimpan dan menyebarkan maklumat melalui media elektronik.³

Pandangan Islam terhadap ICT

Seperti yang dinyatakan oleh Seyed Ebrahim et al. (2014) dalam artikel yang bertajuk “The Impact of Information Technology on Islamic Behaviour”, pada masa lalu, penyebaran ilmu agama ke seluruh dunia Islam terhalang oleh kekurangan alat komunikasi. Media buku digunakan untuk menyampaikan kesusasteraan Islam. Al-Quran, Tajwid, Hadis, Tafsir, Fiqh dan lain-lain hanya terdapat dalam bentuk bertulis. Walau bagaimanapun, ICT telah mewujudkan persekitaran di mana sumber Islam boleh dengan mudah ditukar kepada format digital dan diedarkan secara global. Belajar mengembangkan sains dan teknologi, menurut orang Islam yang beriman kepada al-Quran, adalah ciri keimanan mereka. Ini menunjukkan bahawa kemajuan teknologi tidak menyebabkan keadaan baru dalam dunia Islam. Islam menggalakkan pembangunan umatnya dengan membenarkan mereka menjalankan eksperimen dan penyelidikan dalam apa jua bidang berkaitan teknologi (Leli et al., 2021).

Selain itu, pada masa kini kita boleh membawa al-Quran dan Hadis kemana sahaja kita pergi dan dimana sahaja kita berada kerana kemajuan teknologi maklumat. Perisian Islam tersedia untuk telefon mudah alih, iPod dan komputer riba dalam format audio dan teks. Perisian Islam juga tersedia secara percuma di web, dan pemasangan pada telefon hanya mengambil masa beberapa saat. Orang Islam yang tinggal di negara bukan Islam yang tidak dapat memperoleh salinan al-Quran atau kesusasteraan Islam lain boleh menggunakan teknologi maklumat (Seyed

¹ Amini Amir Abdullah. (2014). *Islam yang dinamik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
https://www.researchgate.net/publication/344646730_BAB_1_-_Amini_Amir_Abdullah2014_Islam_Yang_Dinamik_Serdang_Penerbit_Universiti_Putra_Malaysia

² Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, & Mastura Abd Wahab. (2021). Konsep agama, islam, ilmu dan akhlak oleh syed muhammad naquib al- attas dalam islam: faham agama dan asas akhlak. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 33(2), 146-154.
https://www.researchgate.net/publication/356251976_Konsep_Agama_Islam_Ilmu_Dan_Akhlak_Oleh_Syed_Muhammad_Naquib_Al-Attas_Dalam_Islam_Faham_Agama_Dan_Asas_Akhlak

³ Cambridge University Press. (2022). ICT. In *Cambridge University Press.org dictionary*. Retrieved November 25, 2022 from <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/ict>

Ebrahim et al., 2014). Akhir sekali, orang ramai boleh mendapat manfaat daripada menggunakan pelbagai aplikasi Islam mudah alih untuk membaca dan menimba ilmu di mana-mana dan bila-bila masa mengikut kemahuan mereka.

Perkembangan ICT dalam dakwah

Perkembangan ICT dalam kehidupan manusia termasuklah dalam bidang dakwah pada zaman kini telah memberi pengaruh yang sangat luas. Dahulu, jika berbicara tentang hal yang berkaitan dengan dakwah, pastinya terlintas di fikiran bahawa adanya seorang ustaz yang berdiri di atas mimbar bersama audiens di hadapannya. Begitu lah situasi yang dapat digambarkan sebelum berlakunya era komunikasi maklumat. Akan tetapi, seiring perkembangan media teknologi dan komunikasi dakwah yang serba canggih, dakwah tidak lagi hanya perlu dilakukan di dalam masjid, juga tidak perlu berdiri di atas mimbar ketika ingin memberikan ucapan. Kini, aktiviti tersebut dapat dilakukan di mana-mana dan bila-bila masa sahaja. Jika dahulu harus menempuh waktu yang sangat panjang untuk tiba ke sesuatu tempat, sekarang hanya perlu waktu yang sangat singkat dengan hanya menggunakan akses internet melalui peranti-peranti yang telah sedia ada. Hal ini telah menyebabkan dakwah kini lebih bersifat fleksibel dan terdapat dalam pelbagai bentuk. Dakwah pada zaman modern telah menjadikan urusan para pendakwah menjadi lebih mudah yang cepat kerana dapat diakses secara globalisasi dengan hanya menggunakan internet. Selain itu, audiensnya juga tidak terhad seperti dahulu kerana ia boleh diakses oleh sesiapa sahaja termasuklah orang yang bukan Islam. Dakwah sekarang terdapat dalam pelbagai bentuk, contohnya, tulisan yang dikongsikan melalui *blog*, mesej ringkas di dalam *Whatsapp*, *Whatsapp Status* atau akaun *Facebook* dan sebagainya. Dakwah juga terdapat dalam bentuk video seperti di *YouTube*, *Tik Tok* dan *Instagram*. Tidak terkecuali, dakwah juga terdapat dalam bentuk aplikasi mudah alih yang membolehkan semua orang memperoleh maklumat dengan mudah.⁴

Dalil pensyariatian ICT dalam Islam

Pada zaman kini, komputer merupakan alat utama yang saling mengaitkan hubungan antara manusia secara global. Ia dianggap sebagai alat untuk menulis, menyimpan, menyebarkan, dan berkongsi ilmu, sama seperti konsep 'al-Qalam' yang disebutkan oleh Allah swt dalam al-Quran:

ن وَالْقَلَمِ وَمَا يَسْطُرُونَ (1) مَا أَنْتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٌ (2) وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ (3) وَإِنَّكَ
لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ (4) فَسَتُبْصِرُ وَيُبْصِرُونَ (5)

“Nun. Demi pena dan apa yang mereka tuliskan. Dengan kurniaan Tuhanmu, Engkau (Muhammad) bukanlah orang yang gila. Dan engkau pasti mendapat pahala yang besar yang tidak akan putus. Dan sesungguhnya engkau memiliki akhlak yang mulia. Maka kelak engkau akan melihat dan mereka (orang-orang kafir) pun akan melihat.” (Surah al-Qalam: 1-5).

Nabi SAW yang kita yang kasihi diminta membaca ayat pertama yang diturunkan kepadanya. Ia menekankan kepentingan membaca atau menimba ilmu dalam Islam. Ungkapan "pena" mempunyai makna yang lebih luas daripada makna literalnya. Sebagai contoh, 'pen' ialah alat untuk menulis, menyimpan, mengedar, berkongsi ilmu, bahkan juga menyampaikan maklumat.

⁴ Bahrur Rosi. (2018). Media dan ICT dalam problematika dakwah. *Jurnal Studi Keislaman*, 4(1), 89-105.
<http://ejournal.kopertais4.or.id/madura/index.php/ulumuna/article/view/3549/2614>

Oleh itu, komputer boleh dianggap sebagai teknologi yang mempunyai banyak persamaan dengan konsep "pena" seperti yang dinyatakan oleh Allah swt dalam surah di atas.

Aplikasi-aplikasi Islamik

Qalby App

Qalby App adalah satu aplikasi gaya hidup Muslim yang merangkumi aspek kerohanian dalam memudahkan amalan kehidupan seharian. Aplikasi ini dibangunkan oleh seorang aktivis muslimah iaitu Shazrina Azman atau dikenali sebagai Mizz Nina. Aplikasi ini dilancarkan pada Disember 2020 ketika aplikasi Islamik yang terkenal iaitu MuslimPro mempunyai isu keselamatan kepada pengguna. Idea penciptaan untuk membangunkan aplikasi ini adalah diinspirasi daripada kelas tafsir Ta'leem al-Quran.⁵ Ta'leem al-Quran adalah satu pengajian diploma yang dihadiri Shazrina Azman dan mengambil serta berkongsi pengetahuan dengan cara menyebarkan melalui kaedah digital iaitu mewujudkan aplikasi QalbyApp. Perkataan Qalby diambil berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

حَدَّثَنَا عَمْرُو النَّاقِدُ، حَدَّثَنَا كَثِيرُ بْنُ هِشَامٍ، حَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ بُرْقَانَ، عَنْ يَزِيدَ بْنِ الْأَصَمِّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ "

"Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kamu tetapi Dia melihat kepada hati dan amal kamu", serta menurut lain makna 'Hatiku' ialah tempat letaknya Iman dan Taqwa.

Bertepatan dengan slogan 'Ignite Your Heart with The Light of Iman, tujuan utama aplikasi ini adalah berkongsi pengetahuan dan ilmu berkaitan keistimewaan serta keindahan Islam didalam dunia digital.⁶

Qalby App adalah aplikasi 'go to' yang mesra pengguna untuk semua orang yang mempunyai akses kepada bahan Islam tanpa perlu menapis serta untuk memanfaatkan media dalam berkongsi sumber Islam yang benar pada era teknologi moden ini. Visi aplikasi ini adalah untuk menyebarkan dakwah serta cintakan Al-Quran dan Sunnah secara global.

The Noor

The Noor adalah aplikasi Islam berteknologi tinggi yang dicipta dan dibina bagi memudahkan muslimin di Malaysia dan seluruh dunia.⁷ The Noor juga satu aplikasi yang bersifat premium dimana ia boleh dimuat turun dengan percuma seumur hidup. Aplikasi ini dilancarkan pada 28 Januari 2021 dan pengasasnya adalah selebriti tanah air Noor Neelofa Mohd Noor bersama rakan pengasasnya yang lain iaitu Ahmad Tajuddin Idris dan Mohd Izzairi Yamin. Aplikasi ini dibina dengan ketepatan dan terdiri daripada tiga elemen utama iaitu dimana-mana (everywhere), bila-bila masa (anytime) dan untuk semua (everyone) yang sesuai dengan

⁵ Amy Maizuraa. (2020). *Dimuat-Turun lebih 100K, Ini Adalah 8 Fungsi Menarik Pada Aplikasi Qalby*. Amanz Media. <https://amanz.my/2020264174/>

⁶ Qalby App. (2022). About Us. <https://www.qalby.io/about-us/>

⁷ Fatin Farhana Ariffin. (2020, November 20). *Neelofa Lancar Aplikasi Gaya Hidup Muslim 2021*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/amp/hiburan/selebriti/2020/11/756282/neelofa-lancar-aplikasi-gaya-hidup-muslim-2021>

keperluan setiap umat Islam tanpa mengira latar belakang kaum dan etnik. The Noor akan menjadi aplikasi gaya hidup Muslim terbesar dan paling pesat berkembang di dunia dan memastikan umat Islam di seluruh dunia menggunakan aplikasi ini sebagai tabiat harian mereka untuk menerima gaya hidup Islam.

The Noor mampu untuk memasarkan kebaikan dan dakwah keseluruh dunia dengan hanya melalui metode teknologi (ICT) iaitu melalui aplikasi sahaja. Bertepatan dengan perkataan hikmah dalam surah al-Nahl: 25, dimana maksudnya meletakkan sesuatu bersesuaian dengan masa dan zaman⁸.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik."

Antara kemudahan yang disediakan dalam aplikasi The Noor ini adalah mendengar dan membaca al-Quran, mencari arah kiblat, melihat waktu solat dimana ini adalah fungsi utama untuk semua pengguna berasa selesa dan mudah. Selain itu juga, aplikasi ini mempunyai lima bahasa terjemahan iaitu Melayu, Indonesia, English, Tamil dan Mandarin yang dirujuk dari terjemahan Mujammah Malik Fadh (Saudi Arabia) sebagai rujukan yang sah dan berautoriti.

Quran Isyarat

Pendidikan Islam terutama al-Quran dan hadis merupakan satu keperluan serta tuntutan bagi manusia yang bergelar Muslim sama ada bagi komuniti tipikal mahupun komuniti istimewa (Siti Ramna et al., 2021)⁹. Peluang seperti ini penting agar komuniti istimewa ini juga dapat menjadi Muslim yang mengamalkan ajaran agamanya dengan sempurna. Komuniti orang pekak mempunyai kekurangan yang sangat jelas sehingga sukar untuk belajar serta membaca al-Quran¹⁰. Oleh itu, terdapat aplikasi islamik yang mesra OKU khas untuk golongan pekak bagi memudahkan serta mempelajari al-Quran dengan baik. Aplikasi Quran Isyarat adalah aplikasi Quran yang pertama dan dibangunkan untuk komuniti OKU Pendengaran.

Aplikasi ini mempunyai keseluruhan Quran (30 Juzuk) secara berperingkat dengan kaedah kemahiran pembelajaran iaitu proses mengenal, menghafaz, membaca dan menjelaskan isi kandungan ayat Quran bertepatan dengan Surah al-Qiyamah: 16-19.

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ (16) إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ (17) فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ (18) ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ (19)

(18) ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ (19)

⁸ Quran Isyarat. (2022). *Quran Isyarat* [mobile app]. Google Play Store.

<https://play.google.com/store/apps/details?id=com.umnimaktum.quranprojects&hl=ms&gl=US&pli=1>

⁹ Siti Ramna Khamaruddin, Adzam Rasdi & Norakyairee Mohd Raus. (2018). *Analisis Keperluan Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia bagi Terminologi Ibadah*. International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled. Vol 4.

https://www.researchgate.net/publication/326479643_ANALISIS_KEPERLUAN_PEMBANGUNAN_BAHASA_ISYARAT_MALAYSIA_BAGI_TERMINOLOGI_IBADAH

¹⁰ Ummu Karamah Bibti Alias, Hamdi bin Ishak & Sabri bin Mohamad. (2019). *Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran*. Jurnal al-Turath; Vol.4, No 2. <http://journalarticle.ukm.my/14240/1/97-199-1-SM.pdf>

"Janganlah engkau (wahai Muhammad) - Kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu;. Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan)."

Antara kemudahan dan keistimewaan aplikasi ini lain dari aplikasi golongan tipikal adalah kaedah mengenal dan menghafaz melalui paparan visual Quran. Selain itu, kaedah membaca adalah melalui paparan visual teks ayat, Kod Tangan Quran (KTQ) dan Transliterasi Makhraj. Manakala kaedah memahami adalah melalui paparan Terjemahan tipikal, Terjemahan Mesra OKU Pendengaran berbantuan video Jurubahasa Isyarat (JBI) Malaysia. Keseluruhan aplikasi Quran Isyarat menggunakan kaedah paparan visual sama ada video, teks dan sebagainya bersesuaian dengan komuniti OKU Pendengaran supaya mereka lebih mudah memahami dan belajar al-Quran.

Fungsi-fungsi Aplikasi Islamik

Aplikasi TheNoor: Azan, Quran, Qiblah



Rajah 1: Aplikasi TheNoor: Azan, Quran, Qiblah

Antara kemudahan yang disediakan dalam aplikasi The Noor adalah mendengar dan membaca al-Quran, mencari arah kiblat, melihat waktu solat di mana ini adalah fungsi utama untuk semua pengguna berasa selesa dan mudah. Selain itu, aplikasi ini mempunyai tujuh pilihan bahasa terjemahan iaitu Melayu, Indonesia, Inggeris, Tamil, Turki, Arab dan Mandarin yang dirujuk daripada terjemahan Mujammah Malik Fadh (Arab Saudi) sebagai rujukan yang sah dan berwibawa.

Aplikasi Qalby




Rajah 2: Aplikasi Qalby

Aplikasi Qalby juga merupakan aplikasi yang tidak kurang hebatnya dengan aplikasi TheNoor. Aplikasi ini juga mempunyai kemudahan dan keistimewaan kepada pengguna untuk mengakses waktu solat dengan mudah menerusi paparan teks yang senang difahami dan waktu solat itu diambil terus dari JAKIM. Selain itu, Aplikasi ini juga menyediakan himpunan doa harian dan pilihan ayat suci alQuran untuk pengguna. Terdapat dua fungsi menarik di bawahnya yang dikenali *Hifz* dan *Saved*. Menerusi ciri *Hifz*, pengguna boleh menetapkan pilihan doa atau surah yang ingin dihafal. Seterusnya, fungsi *Saved* pula untuk memudahkan pengguna menyimpan doa atau surah yang ingin dijadikan sebagai rujukan. Bacaan Al-Quran juga disertakan dengan terjemahan serta audio untuk bacaan yang betul.

Di samping itu, himpunan doa yang terdapat pada aplikasi ini juga boleh dikongsi secara terus ke platform lain. Sebagai contoh, *Facebook*, *WhatsApp*, *Instagram* dan banyak lagi. Akhir sekali, aplikasi Qalby juga memudahkan pengguna untuk mencari arah kiblat iaitu arah kiblat mengikut ukuran kiraan dari kedudukan Kaabah.

Aplikasi Quran Isyarat



Rajah 3: Aplikasi Quran Isyarat

Aplikasi Quran Isyarat merupakan aplikasi Quran pertama di dunia yang dibangunkan bagi meraikan kekuatan dan gangguan upaya belajar Quran bagi komuniti OKU Pendengaran. Antara kemudahan dan keistimewaan aplikasi ini, adalah kaedah mengenal dan menghafaz

melalui paparan visual Quran. Selain itu, kaedah membaca melalui paparan visual teks ayat, Kod Tangan Quran (KTQ) dan Transliterasi Makhraj. Manakala kaedah memahami adalah melalui paparan terjemahan tipikal, terjemahan mesra OKU Pendengaran berbantuan video Jurubahasa Isyarat (JBI) Malaysia. Keseluruhan aplikasi Quran Isyarat menggunakan kaedah paparan visual sama ada video, teks dan sebagainya bersesuaian dengan komuniti OKU Pendengaran supaya mereka lebih mudah memahami dan belajar al-Quran.

Daripada contoh aplikasi mudah alih di atas, tumpuan kajian ini terarah kepada aplikasi Islamik. Dalam era globalisasi ini, penghasilan pelbagai jenis aplikasi mudah alih yang bercirikan aplikasi perisian Islamik sangat penting untuk mengimbangi anasir-anasir buruk yang disebarkan melalui aplikasi yang melalaikan berbanding mendatangkan kebaikan kepada pengguna.

Isu dan Cabaran

Cabaran-cabaran pembangunan dalam aplikasi Islamik

a) Komunikasi daripada pakar perundangan Islam (Mufti atau Ulama)

Islam adalah agama yang merangkumi semua aspek kehidupan. Sebagai umat Islam yang benar dan bertanggungjawab adalah berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Oleh hal yang demikian, umat Islam perlu mendapatkan bimbingan dan nasihat daripada pakar dalam perundangan Islam (Mufti) untuk menyelesaikan masalah kecil mahupun besar yang berlaku semasa kehidupan seharian (Anum, 2019).¹¹ Namun bagi masyarakat Islam yang biasa, khususnya bagi wanita kadangkala menjadi sukar untuk mendekati mufti atau ulama yang diiktiraf tersebut. Sebarang maklumat yang tersedia dalam talian tidak boleh dipercayai tanpa pengesahan kerana terdapat kandungan yang menyesatkan dan tidak sahih. Oleh hal yang demikian, pembangunan aplikasi Islamik perlu mendapatkan pengesahan kandungan daripada pakar perundangan Islam. Ini akan memudahkan umat Islam mendapatkan nasihat dan masalah walaupun dimana-mana sahaja.

b) Pengesahan Terjemahan Hadia dan Ayat Quran

Media massa merupakan wadah komunikasi penting yang digunakan untuk menyebarkan maklumat dan berita¹² (Hamid S. A., 2016) termasuklah dalam penyebaran hadis, ayat-ayat Al-Quran berserta terjemahan. terdapat banyak kebaikan menyebar dan berkongsi maklumat sebegini. Namun mesej sebegini haruslah daripada sumber yang sahih. Hal ini demikian kerana, masyarakat kini kebanyakannya menyebarkan maklumat tanpa sebarang pengesahan dan ketulenan kandungan. Selain itu, terdapat segelintir masyarakat yang berkongsi banyak hadis yang dicipta sendiri dan direka. Perubahan dalam kandungan Islam seperti ini dianggap sebagai dosa besar dalam Islam. Kajian juga menunjukkan bahawa maklumat palsu disebarkan jauh lebih pantas berbanding maklumat sahih. Walau bagaimanapun, ayat-ayat Al-Quran boleh disahkan dengan mudah dengan mencarinya dalam Al-Quran kerana ia boleh didapati hampir di mana-mana, tetapi pengesahan terjemahan hadis dan ayat-ayat AlQuran adalah satu tugas yang sangat berat. Oleh itu, aplikasi mudah alih yang boleh mengesahkan kesahihan terjemahan

¹¹ Anum Hameed, Hafiza Anisa Ahmed & Narmeen Zakarian Bawany. (2019). Survey, Analysis and Issues of Islamic Android Apps. *Journal of Islamic Science and Technology*. Vol. 5, No. 1.
https://www.researchgate.net/publication/334113728_Survey_Analysis_and_Issues_of_Islamic_Android_Apps

¹² Hamid, S. A. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *e-BANGI*, 11, 214-226. Diperoleh daripada
<https://www.proquest.com/openview/644ca4ce50c55135e47f85ff76bad0a3/1?pqorigsite=gscholar&cbl=616374>

Hadis dan ayat Quran adalah sangat diperlukan pada masa kini agar dapat memudahkan masyarakat kini.

Isu-isu dalam aplikasi Islamik semasa

a) Mitos mengenai penggunaan aplikasi Islam

Kini, aplikasi Islamik mempunyai peluang yang besar di dalam pasaran serta jumlah pengguna yang agak ramai. Walau bagaimanapun, terdapat juga sekumpulan besar pengguna yang percaya bahawa adalah tidak hormat untuk memuat turun dan menggunakan kandungan agama pada telefon mudah alih atas pelbagai sebab. Sebab utama menurut mereka ialah wajib berwuduk sebelum menyentuh dan membaca al-Quran. Mengambil kira perkara yang sama, telefon pintar biasanya berada di dalam poket membawa kepada menyentuh aplikasi tanpa wuduk dan ini merupakan perkara yang tidak sopan dan dilarang agama. Namun, ini hanyalah mitos dan sebilangan cendekiawan Islam kontemporari yang terdiri daripada mazhab yang berbeza telah membenarkan dan menunjukkan sikap optimistik terhadap penggunaan aplikasi Islam ini.

b) Kesahihan maklumat kandungan

Satu lagi isu yang berpotensi dan sangat sensitif dalam aplikasi Islamik adalah kandungan aplikasi yang kredibiliti, kebolehpercayaan dan kesahihan (Anum, 2019). Kesahihan kandungan menjadi salah satu perkara yang paling penting dalam aplikasi kerana maklumat dalamnya berkaitan dengan Islam, jadi sebarang masalah kesilapan dalam maklumat ini boleh menyebabkan salah faham berkaitan topik dalam Islam dan pengguna menggunakan maklumat ini untuk menjadi panduan dalam kehidupan seharian (Alaa, 2015).¹³ Sebagai contoh, terdapat aplikasi Islamik telah dikenal pasti terjemahannya telah diubah suai dan menyebabkan pengguna tidak mengetahui akan aplikasi palsu tersebut. Oleh itu, terdapat keperluan kritikal untuk rangka kerja pemantauan kandungan aplikasi Islamik yang akan meneliti kandungan tersebut secara berterusan untuk memastikan ia sahih dan tidak diubah.

Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan bahawa tidak dapat dinafikan betapa besarnya manfaat aplikasi mudah alih dalam menyebarkan dakwah Islam. Bertepatan dengan perkembangan semasa yang dibanjiri aplikasi mudah alih, para pendakwah perlu memanfaatkan peluang ini sebaiknya. Kewujudan pelbagai aplikasi Islamik tidak menafikan kepentingan pengajaran secara bersemuka, tetapi pendekatan ini harus menjadi cara alternatif memandangkan penggunaannya yang sangat berkesan dan tidak terikat dengan tempat dan masa. Diharapkan agar aplikasi Islamik yang bercirikan dakwah Islam bertambah lagi untuk panduan bukan sahaja masyarakat muslim tetapi juga masyarakat bukan muslim kerana aplikasi ini boleh dimuat turun oleh sesiapa sahaja tanpa mengira pegangan agama.

¹³ Alaa Abu Sabra. (2015). Authentication of Information at the Islamic Mobile Applications. *International Conference on Islamic Applications in Computer Science and Technology*.
https://www.academia.edu/24442313/Authentication_of_Information_at_the_Islamic_Mobile_Applications

Rujukan

- Alaa Abu Sabra. (2015). Authentication of Information at the Islamic Mobile Applications. *International Conference on Islamic Applications in Computer Science and Technology*. Diperoleh daripada https://www.academia.edu/24442313/Authentication_of_Information_at_the_Islamic_Mobile_Applications
- Amini Amir Abdullah. (2014). *Islam yang dinamik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang. https://www.researchgate.net/publication/344646730_BAB_1_-_Amini_Amir_Abdullah2014_Islam_Yang_Dinamik_Serdang_Penerbit_Universiti_Putra_Malaysia
- Amy Maizuraa. (2020). *Dimuat-Turun lebih 100K, Ini Adalah 8 Fungsi Menarik Pada Aplikasi Qalby*. Amanz Media. Diperoleh daripada <https://amanz.my/2020264174/>
- Anum Hameed, Hafiza Anisa Ahmed & Narmeen Zakarian Bawany. (2019). Survey, Analysis and Issues of Islamic Android Apps. *Journal of Islamic Science and Technology*. Vol. 5, No. 1. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/334113728_Survey_Analysis_and_Issues_of_Islamic_Android_Apps
- Bahrur Rosi. (2018). Media dan ICT dalam problematika dakwah. *Jurnal Studi Keislaman*, 4(1), 89-105. Diperoleh daripada <http://ejournal.kopertais4.or.id/madura/index.php/ulumuna/article/view/3549/2614>
- Cambridge University Press. (2022). ICT. In *Cambridge University Press.org dictionary*. November 25, 2022. Diperoleh daripada <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/ict>
- Fatin Farhana Ariffin. (2020, November 20). *Neelofa Lancar Aplikasi Gaya Hidup Muslim 2021*. Berita Harian Online. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/amp/hiburan/selebri/2020/11/756282/neelofa-lancar-aplikasi-gaya-hidup-muslim-2021>
- Hamid, S. A. (2016). Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. *e-BANGI*, 11, 214-226. Diperoleh daripada <https://www.proquest.com/openview/644ca4ce50c55135e47f85ff76bad0a3/1?pqorigsite=gscholar&cbl=616374>
- Leli, Po Abas Sunarya, Ninda Lutfiani, Nuke Puji Lestari Santoso & Restu Ajeng Toyibah. (2021). The importance of technology to the view of the qur'an for studying natural sciences. *Aptisi Transactions on Technopreneurship* 3(1), 58-67. Retrieved from <https://media.neliti.com/media/publications/370364-the-importance-of-technology-to-the-view-d2fa69ce.pdf>
- Nor Shafawati Yup. (2022, April 19). *Aplikasi Quran Isyarat Pertama di Dunia untuk OKU Pendengaran*. *Utusan Malaysia*. Diperoleh daripada <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/04/aplikasi-quran-isyarat-pertama-di-dunia-untuk-oku-pendengaran/>
- Qalby App. (2022). *About Us*. Diperoleh daripada <https://www.qalby.io/about-us/>
- Quran Isyarat. (2022). *Quran Isyarat* [mobile app]. Google Play Store. Diperoleh daripada <https://play.google.com/store/apps/details?id=com.ummimaktum.quranprojects&hl=ms&gl=US&pli=1>
- Seyed Ebrahim Hosseini, Abdollatif Ahmadi Ramchahi & Raja Jamilah Raja Yusuf. (2014). The impact of information technology on islamic behaviour. *Journal of Multidisciplinary Engineering Science and Technology*, 1(5), 135-141. Retrieved from

https://www.researchgate.net/publication/270272110_The_Impact_of_Information_Technology_on_Islamic_Behaviour

- Siti Ramna Khamaruddin, Adzam Rasdi & Norakyairee Mohd Raus. (2018). Analisis Keperluan Pembangunan Bahasa Isyarat Malaysia bagi Terminologi Ibadah. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*. Vol 4. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/326479643_ANALISIS_KEPERLUAN PEMBANGUNAN_BAHASA_ISYARAT_MALAYSIA_BAGI_TERMINOLOGI_IBADAH
- Ummu Karamah Bibti Alias, Hamdi bin Ishak & Sabri bin Mohamad. (2019). Kaedah-Kaedah Bacaan al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran. *Jurnal al-Turath; Vol.4, No 2*. Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/14240/1/97-199-1-SM.pdf>
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, & Mastura Abd Wahab. (2021). Konsep agama, islam, ilmu dan akhlak oleh syed muhammad naquib al- attas dalam islam: faham agama dan asas akhlak. *The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 33(2), 146-154. Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/publication/356251976_Konsep_Agama_Islam_Ilmu_Dan_Akhlak_Oleh_Syed_Muhammad_Naquib_Al_Attas_Dalam_Islam_Faham_Agama_Dan_Asas_Akhlak